

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## *Press Release Kenyataan media*



17 Mei 2023

UNIMAS Corporate  
Chancellery Division  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 51216  
Fax +60 82 665088  
Email: azadnurlisa@unimas.my

## **MAGU UNIMAS 2023 mengiktiraf kecemerlangan warga kampus dalam pelbagai bidang**

Kota Samarahan, 17 Mei 2023 : Majlis Anugerah Gemilang Unimas (MAGU) 2023 telah diadakan di Arena Gemilang, DeTAR Putra, UNIMAS pada hari ini.

MAGU 2023 diadakan bagi meraikan serta mengiktiraf penerima-penerima anugerah kecemerlangan dalam bidang akademik, pengurusan, sukan, dan perkhidmatan.

Majlis ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Setiausaha Persekutuan Sarawak. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie bersama-sama Naib Canselor UNIMAS, YBhg. Prof Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi.

Budaya memberi pengiktirafan dan meraikan kecemerlangan serta khidmat bakti dalam kalangan staf UNIMAS bermula pada tahun 2006 yang dikenali sebagai Majlis Penghargaan yang meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Pada tahun 2009, anugerah lain turut diwujudkan untuk mengiktiraf pencapaian dan menghargai perkhidmatan staf UNIMAS.

Objektif utama majlis ini, adalah untuk meraikan para penerima Anugerah Kecemerlangan bagi tahun 2022, dalam bidang akademik, pengurusan mahupun perkhidmatan. Di samping itu, MAGU turut menjadi acara signifikan bagi meraikan 27 pesara dan bakal pesara UNIMAS, yang telah banyak menyumbangkan jasa dan khidmat bakti kepada universiti.

Pada majlis yang cukup gilang gemilang ini, sebanyak 26 kategori anugerah telah diperkenalkan dalam pelbagai bidang, sama ada dalam bidang akademik, pengurusan, penghargaan staf dan juga pelbagai kategori anugerah utama termasuklah 173 penerima APC bagi tahun 2022. Turut diraikan 152 penerima Anugerah Perkhidmatan Setia yang telah berkhidmat selama 20 tahun di UNIMAS.

Menurut Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi berkata, pengiktirafan yang diberikan oleh universiti dapat melonjakkan mutu penyampaian perkhidmatan awam serta mentransformasikan minda dan

budaya kerja warga Unimas secara keseluruhannya. Beliau juga berharap agar semua warga Unimas meneruskan momentum kecemerlangan ini dalam usaha menjadikan UNIMAS sebagai sebuah universiti yang dicontohi serta disegani.

**U N I M A S**